

24/08/2002

Usah mohon tanah komersial: Rais

Ziauddin Sharuddin

JELEBU, Jumaat - Semua pegawai kerajaan perlu mengelak memohon tanah terutama tanah komersial bagi menangkis sebarang prejudis atau sangkaan buruk terhadap jabatan masing-masing.

Walaupun tidak menyalahi undang-undang, tindakan itu boleh menimbulkan prejudis sedangkan pegawai kerajaan perlu bersifat neutral, terutama bagi tugas yang membabitkan penguatkuasaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata sama ada mereka mendapat tanah atau tidak, itu adalah persoalan lain.

Katanya, semua pihak sepatutnya bekerja keras mewujudkan suasana telus dan bertanggungjawab supaya orang ramai menaruh harapan terhadap sistem pentadbiran kerajaan.

"Mereka (pegawai kerajaan) perlu memberi perhatian serius terhadap perkara ini," katanya selepas melancarkan Bakti Pertiwi, iaitu bahagian wanita Persatuan Bekas Polis daerah di Dewan Umno Simpang Pertang, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada kira-kira 400 bekas anggota polis daerah ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terkini siasatan berhubung pegawai agensi Kerajaan Persekutuan yang dikatakan memohon tanah di Kelantan.

Dr Rais berkata, arahan sudah diberi kepada beberapa agensi kerajaan supaya pegawai masing-masing tidak memohon tanah.

Sebagai pegawai kerajaan, terutama di bahagian penguatkuasaan, katanya mereka akan sukar untuk bersikap tidak memihak apabila memohon tanah dan mendapat faedahnya.

Mengenai perkembangan kes bekas Ahli Parlimen Bachok, Buniyamin Yaakob, beliau enggan mengulas lanjut kerana tidak mahu prejudis membuat kenyataan terhadapnya.

Buniyamin dalam satu ceramah dikatakan mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersamanya.

"Saya difahamkan polis sudah menyempurnakan siasatan. Terpulang kepada AG (Peguam Negara) untuk membuat kerjanya. Kita tidak boleh menggesa dan mengeluarkan pandangan yang menyukarkan AG menjalankan kerjanya.

"Banyak aspek perlu diteliti. Masyarakat perlu bersabar dan menunggu tindakan yang akan diambil," katanya.

Dr Rais berkata, tidak semestinya apabila keluar dalam surat khabar, AG bertindak mengikut kehendak masyarakat dan sebaliknya perlu mengikut lulas undang-undang.

Ketika perasmian, Dr Rais mencadangkan Persatuan Bekas Polis mengumpul maklumat mengenai bekas anggota polis yang hidup daif dan memerlukan bantuan.

Katanya, ini bertujuan supaya tindakan membela nasib bekas anggota polis dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

"Ketika ini, usaha membantu bekas anggota polis yang hidup daif dilakukan secara ad-hoc, iaitu apabila kebetulan berlaku kemalangan atau malapetaka," katanya.

Beliau berkata, persatuan perlu menyenaraikan nama anggota terbabit dan ini membolehkan bantuan seperti Projek Kesejahteraan Rakyat (PKR) atau wakil rakyat kawasan masing-masing disalurkan kepada mereka.